

## HARI MINGGU PALMA KESENGSARAAN TUHAN (C)

Lukas 19:28-40

Yesaya 50:4-7; Mazmur 21 (22): 8-9. 17-20. 23-24. R/ v. 2; Filipi 2:6-11

Lukas 22:14 - 23:56 (Versi singkat, Lukas 23:1-49)

Tema: **KESENGSARAAN TUHAN ADALAH KEMENANGAN DAN KEMULIAAN**

**1.** Hari ini kita merayakan "**Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan**"! Kita merayakan "Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan", sebab Kesengsaraan Tuhan itu adalah kemenangan dan kemuliaan! Palma adalah simbol kemenangan dan kemuliaan! Itulah sebabnya mengapa tempat yang paling sesuai untuk meletakkan palma kita adalah bersama salib! Ini melambangkan bahawa kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan dan kemuliaan!

(i). Injil hari ini memberitahu kita bahawa kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan dan kemuliaan! Injil memberitahu kita bahawa disebabkan kesengsaraan Tuhan, Pilatus dan Herodes yang mana, adalah bermusuhan, telah berdamai:

**“Mulai hari itu Herodes dan Pilatus bersahabat; dahulunya mereka bermusuhan.”! (Lk 23:12; SM)**

Kesengsaraan Tuhan menyatukan semula kita dengan Allah dan sesama kita!

(ii). Injil hari ini juga memberitahu kita bahawa kerana kesengsaraan Tuhan Barabas, pembunuh, telah dibebaskan:

**“Pilatus menjatuhkan hukuman mati kepada Yesus sesuai dengan kehendak orang ramai. Kemudian Pilatus membebaskan orang yang dikehendaki mereka, orang yang dipenjarakan kerana terbabit dalam pemberontakan dan pembunuhan. Setelah itu Pilatus menyerahkan Yesus kepada mereka untuk diperlakukan dengan sesuka hati.”! (Luk 23:24-25; SM)**

Kesengsaraan Tuhan membebaskan kita dari dosa dan kematian!

(iii). Injil memberitahu kita juga bahawa disebabkan oleh kesengsaraan Tuhan, penjenayah yang disalibkan bersama Yesus telah pergi ke syurga bersama Yesus pada hari itu juga:

**“Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus.”! (Luk 23:43; SM)**

Kesengsaraan Tuhan membawa kita ke syurga!

(iv). Injil juga memberitahu kepada kita bahawa disebabkan oleh kesengsaraan Tuhan askar pagan itu berubah kepercayaannya:

**“Ketua askar nampak apa yang berlaku. Dia memuji Allah dan berkata 'Memang Dia tidak bersalah'.’! (Luk 23:47; SM)**

Kesengsaraan Tuhan mengubah seluruh dunia!

(v). Akhirnya, Injil memberitahu kepada kita bahawa disebabkan kesengsaraan Tuhan sekalipun mereka yang menyalib Yesus bertobat:

**“Apabila semua orang yang berkumpul di situ melihat apa yang telah berlaku, mereka semua pulang ke rumah sambil menebah dada kerana menyesal.”! (Luk 23:48; SM)**

Kesengsaraan Tuhan menyelamatkan juga mereka yang menyalib-Nya!

**2.** Bacaan pertama juga memberitahu kita bahawa kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan dan kemuliaan! Bacaan pertama adalah yang ketiga dari empat Madah Hamba Kesengsaraan Yesaya! Bacaan pertama memberitahu kita bahawa melalui Kesengsaraan Hamba yang mengalaminya sendiri itulah yang menyelamatkan kita! Dengan itu kita baca:

**“Aku memberi belakangku kepada mereka yang memukul aku, dan pipiku kepada orang yang mencabut jangutku. Aku tidak memalingkan mukaku ketika aku dihina dan diludahi. Namun**

**hinaan mereka tidak dapat menyakit aku, kerana Tuhan raja penolong aku. Aku menguatkan hatiku supaya tabah. Aku tahu aku tidak akan dipermalukan.” (Yes 50:6-7; SM)**

3. Mazmur antarbacaaan juga memberitahu kita bahawa kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan dan kemuliaan! Justru itu mazmur mulai dengan suara:

**“Allahku, ya Allahku, mengapa aku Kautinggalkan?” (Mzm 21 (22): 2; SM)**

Tetapi diakhiri dengan kesyukuran dan pujian atas penebusan:

**“Maka aku akan memahsyurkan nama-Mu kepada saudaraku, dan memuji Engkau di tengah-tengah umat. Hai orang takwa, pujilah Tuhan, segenap keturunan Yakub, muliakanlah Tuhan, gentarkanlah terhadap-Nya, hai segala keturunan Israel.” (Mzm 21 (22): 23-24; SM)**

4. Dan akhirnya, bacaan kedua, yang dipetik dari dalam "Pengantar Injil", juga memberitahu kita bahawa kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan dan kemuliaan! Justru itu Pengantar Injil:

**“Kristus sudah taat sampai wafat, wafat di salib. Dari sebab itulah Allah mengagungkan Yesus. Nama yang paling luhur dianugerahkan kepadaNya.” (Fil. 2:8-9; SM)**

5. Sekali lagi, hari ini kita merayakan "**Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan**" sebab Kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan dan kemuliaan! Palma melambangkan kemenangan dan kemuliaan! Ia adalah lambang kebangkitan, kemuliaan dan penyelamatan! Itulah sebabnya mengapa tempat yang sesuai untuk meletakkan palma adalah bersama salib!

"Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan" bermula pada Minggu Suci! Minggu Suci akan berpuncak dalam Triduum Paska! Triduum bererti tiga hari, iaitu, Jumaat Agung, Sabtu Suci dan Minggu Paska! Jumaat Agung bermula pada petang Khamis Putih. Tiga hari ini adalah dikira satu perayaan! Itulah sebabnya mengapa tiada perutusan pada Khamis Putih dan Jumaat Agung. Perutusan hanya akan diberi pada Malam Menjelang Paska! Itulah sebabnya mengapa kita harus datang kesemua tiga hari itu!

Sukacita dan berkat Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan, sukacita dan berkat Minggu Suci, dan sukacita dan berkat Triduum Paska kepada kamu semua! Amen!

**Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:**

1. Mengapa kita merayakan Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan? Percayakah kamu bahawa kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan dan kemuliaan?

2. Apakah yang dilambangka oleh Palma? Dimanakah kita harus meletakkan palma?

3. Adakah kamu menghadiri kesemua hari Triduum Paska?

4. Apakah kamu sudah bersedia untuk pembaptisan pada Malam Menjelang Paska? Apakah kamu sudah bersedia untuk membaharui pembaptisan kamu pada malam Menjelang Paska? Adakah kamu berdoa, berpuasa dan memberi sedekah kepada yang miskin?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: Sunday Missal (SM)**